



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُوتِنَبْرِسِيَّتِي اِسْلَامًا اِنْبَارًا يَجْسِبًا مِلْدِيَّتِيَا

**FATWA SEBAGAI SEBAHAGIAN PERUNDANGAN ISLAM
(SATU KAJIAN DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN)**

JAMIL BIN MOHD. SAPRI

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN
ISLAM
KULLIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
SEPTEMBER 1999**

ABSTRAK

PENDAHULUAN

Penulisan ilmiah ini bertujuan menerangkan kepada orang ramai bahawa fatwa adalah sebahagian daripada ilmu perundangan Islam. Ia mengandungi skop perbincangan yang tersendiri. Kewujudannya menjadi pelengkap kepada survival ilmu perundangan yang agung ini seperti ilmu feqah, ilmu kehakiman (al-Qadā') dan ijtihād.

Sewaktu pemerintahan Islam, fatwa memainkan peranan penting di dalam sistem perundangan negara. Tetapi apabila negara-negara Islam dijajah oleh kuasa barat, kewujudannya seolah-olah tidak dirasai malah diperkecilkan.

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk menyiapkan penulisan ini seperti merujuk buku-buku fekah, buku-buku sejarah, Enakmen Pentadbiran Agama Islām Perak 1992, Enakmen Jenāyah (Syariāh) Perak 1992, Warta Kerajaan Negeri Perak, meneliti minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Syariāh Perak Darul Ridzuan sejak tahun 1954 lagi. Di samping itu saya telah mengadakan temubual dengan Şāhibul Samāḥah Dato' Mufti dan kakitangan pejabat mengenai tajuk latihan ini.

Melalui penulisan ini diharap masyarakat dapat membuat penilaian dan menghargai bahawa fatwa sewajarnya menjadi sumber perundangan dan panduan hidup seharian dan sumber perundangan negara.

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang telah saya jelaskan sumbernya.



JAMIL BIN MOHD. SAPRI

15 SEPTEMBER 1999

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kepada Ilahi serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Muhammad s.a.w. yang mengizinkan saya mengikuti program Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman, Universiti Islam Antarabangsa bagi sesi 1997 / 1998.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Ustaz Sarip bin Adul, Penyelia latihan ilmiah yang telah banyak membantu saya menyiapkan penulisan ini.

Penghargaan ini juga diucapkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Perak dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Perak. Tidak ketinggalan juga penghargaan ini diucapkan kepada keluarga dan isteri tercinta yang sentiasa memberi dorongan sehingga saya berjaya mengikuti program ini sehingga tamat.

Pelbagai pihak yang turut membantu penulisan ini, saya ucapkan jutaan terima kasih semoga Allah s.w.t. membalas jasa baik kalian.

Terima kasih.

JAMIL BIN MOHD. SAPRI

506-4 Kampong Seberang,

Felda Gedangsa,

44020 Kuala Kubu Baru.

SINGKAT KATA.






ASB	Amanah Saham Bumiputera.
ASN	Amanah Saham Nasional.
Dr.	Doktor.
DYMM.	Duli Yang Maha Mulia.
r.a.	Radullahu ʿanhu.
S.S.	Ṣāhibul Samāḥah.
s.a.w.	Ṣalullahu ʿalaihi wa salam.
s.w.t.	Subḥānahu wa taʿāla.

TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh</u>	<u>Tranliterasi</u>
ء	'	سائل	sa'ala
ا	-	اصفياء	aşfiyā'
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورہ	thawrah
ج	j	جمال	jamāl
ح	h	حدیث	hadīth
خ	kh	خالد	khālid
د	d	دیوان	dīwān
ذ	dh	ذلك	dhālika
ر	r	رحمن	rahmān
ز	z	زبور	zābūr
س	s	سبیل	sabīl
ش	sy	شمس	shams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمیر	ḍamīr
ط	ṭ	طالب	ṭalīb
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	c	عالم	ʿālim

Huruf ArabHuruf LatinContohTranliterasi

غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fīqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كائن	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نية	niyyah
ه	h	هبطة	habaṭa
و	w	وهر	wabar
ي	y	ياسين	yāsīn

Vokal Pendeka i u Vokal Panjangā ī ū Diftongaw ay 

ISI KANDUNGAN.

Abstrak	ii
Pengakuan.	iii
Penghargaan	iv
Singkat kata	v
Transliterasi.	vi
Isi Kandungan.	viii
BAB SATU: PENGENALAN FATWA.	1
Pendahuluan.	1
Definisi Fatwa.	1
Asas-asas Fatwa.	2
Faktor kewujudan fatwa di dalam perundangan Islam.	3
Ciri-ciri khusus penulisan fatwa.	7
Hubungan Fatwa dengan Fiqah, al-Qada' dan Ijtihad.	13
Perbezaan di antara fatwa dengan Fiqah, al-Qada', dan Ijtihad.	14
Penutup.	19
BAB DUA: HUKUM HAKAM YANG BERKAITAN DENGAN FATWA DAN SEJARAHNYA.	20
FASAL PERTAMA: HUKUM HAKAM YANG BERKAITAN DENGAN FATWA.	
Pendahuluan.	20
Hukum memberi fatwa.	20
Hukum Fatwa seorang mufti.	21

Hukum beramal dengan fatwa yang telah ditarik balik.	21
FASAL KEDUA: SEJARAH PERKEMBANGAN FATWA.	22
Sejarah Perkembangan Fatwa di dalam Perundangan Islam.	22
Perkembangan Fatwa di zaman Rasulullah s.a.w.	22
Perkembangan Fatwa di zaman pemerintahan Khulafa al- Rasyidin. (Zaman Sahabat Besar - 11 Hijrah sehingga 41 Hijrah).	23
Perkembangan Fatwa di zaman Sahabat Kecil sehingga Tabin Besar. (41 Hijrah sehingga awal abad kedua Hijrah).	25
Perkembangan Fatwa di zaman Tabi-Tabin. (Tabiin Kecil – Awal abad kedua sehingga pertengahan abad keempat hijrah).	26
Perkembangan fatwa di zaman taqlid sehingga sekarang.	27
Perkembangan Fatwa di Malaysia.	28
Penutup.	30
BAB KETIGA: KAJIAN FATWA SEBAGAI PERUNDANGAN ISLAM DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN.	31
Pendahuluan.	31
Perlantikan Mufti.	32
Proses mengeluarkan fatwa di negeri Perak Darul Ridzuan.	32
Cara Mufti dan Ahli Jawatankuasa Syariah membuat, meminda atau membatalkan sesuatu fatwa.	33
Fatwa mazhab Syafie yang digunakan sepenuhnya.	35
Fatwa berasaskan pendapat ramai / majoriti Ahli Jawatankuasa Syariah.	36
Fatwa yang berasaskan mazhab Hanafi.	37

Fatwa dikeluarkan setelah menerima penerangan dari pakar.	38
Fatwa mengenai melabur di dalam Skim Amanah Saham Nasional dan Skim Amanah Saham Bumiputera.	40
Contoh pindaan fatwa oleh Jawatankuasa Syariah.	42
Contoh pembatalan fatwa.	42
Fatwa yang digezetkan dan diiktiraf sebagai undang-undang bagi Negeri Perak Darul Ridzuan.	43
FASAL DUA: HIMPUNAN FATWA JAWATANKUASA SYARIAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DARI TAHUN 1954M SEHINGGA 1997M.	44
Fatwa mengenai zakat.	44
Fatwa mengenai harta pusaka dan harta sepencarian.	47
Fatwa mengenai tanah wakaf.	51
Fatwa mengenai harta.	58
Fatwa mengenai perubatan.	58
Fatwa mengenai aqidah.	59
Fatwa mengenai solat.	61
Fatwa mengenai ekonomi.	63
Fatwa mengenai perkahwinan.	64
Fatwa mengenai amalan seharian.	67
Ulasan kajian ilmiah.	71
Penutup.	81
Rujukan.	82

BAB SATU

BAB SATU: PENGENALAN FATWA

PENDAHULUAN

Sistem perundangan Islam sentiasa berkembang seiring dengan kemajuan duniawi. Buktinya, setelah kewafatan baginda s.a.w. para ulama telah menjadikan ijtihād yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah sebagai kesinambungan sumber perundangan ini. Melalui ijtihad inilah lahirnya fatwa.

DEFINISI FATWA

1. Fatwa dari segi bahasa ialah:

الجواب في الحادثة

Maksud: Jawapan terhadap sesuatu isu.¹

2. Fatwa dari segi syarā' ialah:

بيان الحكم الشرعي في قضيه من القضايا توابعن سوائل سائل، معين كان او مبهم، فرد
او جماعة

Maksud: Penjelasan hukum syarā' yang berbentuk jawapan terhadap sesuatu persoalan yang jelas atau masih lagi samar yang menjadi isu yang dihadapi oleh seseorang atau orang ramai.²

Berdasarkan kepada huraian ringkas dari sudut bahasa dan syarā', maka fatwa melibatkan beberapa pihak iaitu:

¹ Yūsuf al-Qarḍāwī, *al-Fatwa baina al-inbati wa tasibi*, Dār al-sahwah, al-Qāhirah, cetakan ke-3, 1414H / 1994 M, hlm 11

² Ibid hlm 11

1. al-Mustaftī (المستفتي) ialah orang yang bertanya mengenai hukum syara.
2. al-Muftī (المفتي) ialah orang yang menjawab persoalan mengenai hukum syara.
3. al-Iftā (الإفتاء) ialah proses mendapatkan fatwa.
4. al-Fatwa (الفتوي) ialah jawapan terhadap sesuatu persoalan atau isu.¹

ASAS-ASAS FATWA

Sesungguhnya asas-asas fatwa diperolehi dari:

1. Al-Quran dan al-Sunnah.
2. Pendapat yang membina lagi diterima untuk dijadikan sebagai asas fatwa.
 - 2.1. Pendapat para sahabat yang mempunyai beberapa keistimewaan iaitu:
 - 2.1.1. Mereka mendengar sendiri daripada Rasulullah s.a.w.
 - 2.1.2. Mereka mendengar dari para sahabat yang mendengar daripada baginda s.a.w.
 - 2.1.3. Mereka memahami al-Quran secara mendalam.
 - 2.1.4. Kebanyakan pendapat mengenai sesuatu nas adalah sama kecuali pendapat yang dikeluarkan secara peribadi.⁴

Justeru itu, mereka mengetahui sebab-sebab nuzūl dan cara mengisbatkan sesuatu hukum syara.² Sebagai contoh Saidina Umar al-Khatab⁵ telah menetapkan

² Ibid: hlm 11.

¹ Abd. al-Karīm Zaidān, usūl al-Dā'wat, muassasar al-Risālah, Dār al-wafā, cetakan ke-3, tahun 1408H/1987M, hlm 40.

⁴ Mohd. Abū Zahrah, usūl al-fiqh, Dār al-Arabi, t.t., t.t. hlm. 214.

⁵ Mohd. Mustafa Salibi, Ahkam al-Muwarith baina al-fiqh wa al-Qanūn. Dār al-Nahḍah al-Arabi, Bīrūt, 1978, hlm 256.

penyelesaian secara 'aul⁶ terhadap tuntutan harta pusaka yang melibatkan waris-waris berikut iaitu simati meninggalkan suami dan dua orang saudara perempuan seibu sebapa. Beliau telah mengaulkan asal masalah 6 kepada 7 seperti berikut:

Waris	suami	2 orang saudara perempuan seibu sebapa	
Fardu.	$\frac{1}{2}$	$\frac{2}{3}$	Asal masalah 6
Saham	3	4	'Aul 7 ⁷

3. Pendapat para ulama fiqah yang menjadi ikutan umat Islam masa kini selagi tidak bertentangan dengan prinsip syara.⁸

FAKTOR KEWUJUDAN FATWA DI DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Di antara faktor yang mendorong wujudnya fatwa di dalam perundangan Islam seperti berikut:

1. Para imam-imam berselisih pendapat di dalam memahami naş-naş syarak. Perselisihan ini mendorong kewujudan dua golongan imam iaitu:
 - 1.1. Golongan yang hanya berpegang dengan zahir lafaz naş.
 - 1.2. Golongan yang berpegang dengan maksud lafaz naş.

Umpamanya pada şahābat berselisih pendapat di dalam memahami sabda Rasūllullah s.a.w. :

⁶ 'Aul menurut sistem pusaka ialah menambah pada saham ahli-ahli fardu dan mengurangkan kadar habuan mereka di dalam pusaka mengikut nisbah pertambahan itu. Kes 'aul hanya khusus kepada asal masalah 6, 12 dan 24.

⁷ Abd Qādir b. Ismail, Hj. Sistem Pusaka Islam, Yayasan Dak wah Islamiyah Malaysia, Kuala Lumpur, Cetakan ke-2, 1414H/1993M, hlm 215.

من كان يؤمن بالله واليوم الآخر، فلا يصلي في بني قريظة

Bermaksud: Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari kiamat janganlah ia bersolat ^ʿĀsar melainkan tiba di perkampungan Bani Quraizah.

Terdapat dua golongan sahabat yang memahami hadis tersebut. Sekumpulan menyatakan hadis ini menghendaki mereka segera menunaikan solat ^ʿĀsar sebelum bergerak pergi ke perkampungan bani Quraizah. Sekumpulan sahabat lagi berpendapat mereka boleh menangguhkan menunaikan solat ^ʿĀsar walaupun selepas waktu Maghrib. Jadi golongan kedua ini menunaikan solat ^ʿĀsar di dalam waktu Maghrib. Apabila perkara ini dikemukakan kepada Rasūlullah s.a.w., baginda membiarkan para sahabatnya beramal dengan ijtihad mereka dengan tidak memberi sebarang pandangan.⁹

2. Wujud golongan yang sangat berhati-hati (mutasyaddid) dan golongan yang memudahkan (mutarakhis) di dalam beramal dengan syariat Islam. Buktinya Ibnu Omar ketika berwuduk akan memasukkan air ke matanya

⁸ Abd. al-Karīm Zaidān, *Usūl al-Daʿwat*, hlm. 40

⁹ Yūsuf al-Qardāwī, Dr. *Fatawa muāsirah*, Terj. Fatwa Masa Kini, Zaidi Jalil, Munawwar Muhammad, Norman, Pustaka salam, Kuala Lumpur, Cetakan 1, 1995, jilid 5 & 6, hlm 214.

sehingga menyebabkan beliau buta. Sementara Ibnu ʿAbbās pula tidak merasakan perkara itu perlu.¹⁰

3. Bahasa yang umum di dalam sesuatu nas boleh mendatangkan makna yang lebih dari satu. Contohnya firman Allah s.w.t.

والمطلقات يتربصن بأنفسهن ثلاثة قروء

Bermaksud: Dan isteri-isteri yang diceraikan menunggu dengan menahan diri mereka dari berkahwin selama tiga qurū.¹¹

Perkataan qurū (قروء) dari sudut bahasa mengandungi dua makna iaitu haid dan suci. Imam Hanafi mentafsirkannya dengan maksud haid, sementara tiga imam yang lain mentafsirkan dengan maksud bersih.¹²

4. Perselisihan para imam memahami nas-nas yang *ẓanni*¹³ boleh membawa g ijtihād dan fatwa yang berbeza. Contoh "perselisihan di dalam membezakan masalah umum dan khusus, mutlak dan muqaiyad, mantuq (apa yang Zahir dapat difahami daripada nas tanpa fikir) dan mafhūm (sesuatu yang difahami daripada nas setelah berfikir), muhkam (sesuatu yang masih diguna hukumnya) dan mansūkh (sesuatu yang telah dimansuhkan) serta sebagainya.¹⁴ Sebagai contoh ketika memahami firman Allah:

¹⁰ Ibid. 214.

¹¹ Al-Qurān: al-Baqarah : 228.

¹² Abd. Karīm Zaidān, *al-Wajiz usūl al-fiqh*, hlm 282.

¹³ Nas *ẓanni* ialah perkataan ayat al-Quran yang mengandungi banyak makna.

¹⁴ Yūsuf al-Qardāwī, Dr. *Fatawa muāṣarah*, terj. Fatwa Masa Kini, jilid 5 & 6, hlm 238.

¹⁵ Ibid: 238.

اولمستم النساء

Bermaksud: Atau kamu sentuh perempuan.¹⁶

Ibnu Omar mentafsirkannya sebagai bersentuh kulit. Sementara Ibnu ʿAbbās mengkiaskannya kepada persetubuhan.¹⁷

5. Perselisihan imam di dalam membuat penilaian dan pengkelasan sesuatu dalil. Contohnya Imam Mālik mengutamakan amalan penduduk Madīnah dalam ibadat lebih daripada hadis Ahād¹⁸. Ada imam yang mengutamakan hadis Daʿīf dari qīās, menerima kata sahabat dan ada yang menolaknya.¹⁹ Ada yang menerima masalah mursalah dan ada yang menolaknya sebagai hujjah.²⁰
6. Pendirian para imam yang terbuka dan tidak menyalahi pendapat imam yang lain mendorong pintu ijtihād dan fatwa terbuka sepanjang zaman. Justeru itu, marilah kita merenung kata-kata Abū Hanifah iaitu: “ Ini pandanganku. Ianya adalah pandangan yang terbaik padaku. Sesiapa yang membawa pandangan yang lebih baik, maka kami akan terima”. Imam Mālik pernah berkata : “ sesungguhnya aku adalah manusia yang betul dan

¹⁶ Al-Qurān: al-Maidah : 6.

¹⁷ Yūsuf al-Qardāwī, Dr. *Fatawa muāsirah*, terj. Fatwa Masa Kini, jld 5 & 6, hlm 215.

¹⁸ Hadis Ahād ialah sesuatu hadis yang diriwayatkan daripada Rasūlullah s.a.w. yang bilangan perawinya tidak sampai ke had hadis mutawātir.

¹⁹ Ibid. 216.

²⁰ Ibid. 216.

silap. Oleh itu, periksalah kata-kataku dengan al-Qurān dan sunnah”. Imam as-Syāfiī pula berkata: “ Apabila satu hadis yang ṣahīḥ bercanggah dengan pendapatku maka lontarlah pandanganku itu ke dinding ”²¹. Sikap toleransi para imam ini jelas dilihat ketika imam Syāfiī telah mengerjakan solat berdekatan dengan kubur Abū Hanifah. Beliau tidak membaca qunut kerana beradab dengan Abū Hanifah.²²

Sesungguhnya persilihan para ulama di dalam memahami nas-nas syarak ini sebenarnya memberi rahmat kepada umat Islam untuk memberi ruang yang seluas-luasnya umatnya beramal dengan syair Islam yang suci walaupun mereka berada di merata pelusuk dunia. Melaluinya skop perundangan Islam sebagai peraturan kehidupan yang lengkap sepanjang zaman dapat dibuktikan.

CIRI-CIRI KHUSUS PENULISAN FATWA

1. Hubungan fatwa dengan tajuk persoalan
 - 1.1. Harus seorang muftī meluaskan skop perbincangan dari hanya sekadar memberi jawapan terhadap sesuatu tajuk persoalan yang dikemukakan kepadanya. Tujuannya untuk memberi faedah kepada pihak mustaftī, seperti para sahabat bertanya bolehkah air

²¹ Ibid: 197.

²² Ibid. 210.

laut digunakan untuk berwudhuk? Baginda s.a.w. menjelaskan bahawa air laut itu suci dan halal bangkai binatang di dalamnya.²³

- 1.2. Harus seorang muftī menghubungkan fatwanya dengan tajuk yang lain dari tajuk persoalan yang dikemukakan kepadanya. Sebagai contoh pertanyaan mengenai ṣolat sunat sebelum ṣubuh. Dr. Yūsuf al-Qarḍāwī telah meluaskan skop jawapannya dengan menerangkan solat-solat sunat rawatib yang mengiringi ṣolat-solat fardū. Menurut beliau jawapan sini lebih lengkap dan bermanfaat bagi orang yang bertanya.²⁴
- 1.3. Harus seorang muftī tidak menjawab persoalan yang tidak mendatangkan manfaat kepada orang yang bertanya. Bahkan penyoal boleh ditegur agar mengajukan soalan yang lebih berfaedah bagi dirinya dan orang lain. Sebagai contoh persoalan “Siapakah yang lebih afdal dalam pandangan Allah s.w.t. di antara Abū Bakar as-Ṣiddīk r.a. atau ʿAlī bin Abī Ṭalīb r.a.?”²⁵ atau di antara Siti Faṭimah az-Zahrah bt. Rasūlullah s.a.w. atau ʿAisyah Ummul Mu minīn isteri Rasūlullah s.a.w.?”²⁶

2. Ringkas atau panjang sesuatu fatwa

²³ Mohd. Bin Ismail al-Amir al-Amir al-Yamani as-Sanani, Subulu as-Salam, syarah bulughi al-Murami, Tahqiq: Ibrahim Asr, jilid 1, Dar al-Hadis, al-Azhar, hlm. 16.

²⁴ Yusuf al-Qardawi Dr, Min Hadyu al-Islami. Fatawa Muasirah, Dar al-Qalam, Kuwait, cetakan ke-3, 1408H/1987H, hlm 23.

²⁵ Ibid: hlm 20

²⁶ Ibid: hlm 20.

Kebiasaannya sesuatu fatwa itu ringkas dan padat kecuali ianya memerlukan penjelasan yang panjang lebar. Justeru itu, ia bergantung kepada sejauh mana fatwa itu boleh difahami oleh pihak mustafti. Umpamanya fatwa terhadap persoalan mengenai keadilan sistem pembahagian pusaka Islam di dalam menentukan bahagian lelaki dan perempuan dengan kiraan nisbah 2:1. Fatwa yang diberi oleh Dr. Yūsuf al-Qardāwī ialah keadilan di dalam Islam bukan dilihat kepada pembahagian yang sama rata tetapi ianya ditinjau berdasarkan hak dan tanggungjawab seseorang di dalam syara. Seterusnya beliau menjelaskan lagi bahawa bahagian lelaki itu akan terus berkurangan berikutan dia membelanjakan hartanya untuk membayar mas kahwin, nafkah isteri dan anak-anaknya serta ibu bapanya yang uzur. Bahkan harta seorang perempuan akan terus bertambah kerana beliau menerima nafkah dari suaminya dan pemberian anak-anaknya yang telah bekerja.²⁷

3. Fatwa berubah mengikut perubahan tempat dan masa

Kebiasaannya sesuatu fatwa dikeluarkan untuk faedah manusia sejagat berdasarkan kepada keadaan, masa dan tempat. Justeru itu, sesuatu fatwa yang lalu perlu disemak semula kerana terdapat sebahagian daripadanya tidak sesuai lagi pada masa kini berikutan telah terjadi banyak perubahan baru yang tidak pernah dijangka oleh ulama terdahulu. Jika umat Islam masih berpegang teguh dengan fatwa tersebut maka

²⁷ Ibid: hlm. 29.

bererti mereka akan merosakkan imej dan dakwah Islam itu sendiri. Umpamanya Dr. Yūsuf al-Qardāwī menyatakan pada masa kini tidak ada pembahagian di antara Dār al-Islam dan Dār Ḥarbi²⁸. Beliau berpendapat bahawa penyebaran dakwah melalui peperangan menentang Pemerintah Yang Zalim seperti di awal permulaan penyebaran Islam yang menghalang perjalanan dakwah Islamiah sudah berakhir pada masa kini. Realiti pada hari ini, negara-negara yang mengamalkan dasar pintu terbuka memberi ruang kebebasan kepada para pendakwah menyebarkan dakwah Islamiyah dan membenarkan rakyatnya mengamalkan syiar Islam sepenuhnya di negara tersebut. Beliau menambah lagi, imej Islam yang sukakan perdamaian dan saling kenal-mengenal antara satu dengan dapat disampaikan kepada segenap lapisan masyarakat.²⁹

4. Dalil Fatwa

Sunat bagi muftī menyebut dalil-dalil yang menjadi sandaran fatwanya. Fatwa yang jelas ialah menggunakan bahasa dan tatabahasa yang mudah difahami oleh pihak mustaftī.³⁰

5. Ungkapan yang sangat tegas (melampau) pada ungkapan fatwa

²⁸ Dār al-Islam ialah negara yang berada di dalam naungan kekuasaan orang-orang Islam dan syariat Islam dilaksanakan. Dār al-Ḥarb ialah negara yang tidak berada di bawah kekuasaan orang-orang Islam dan tidak melaksanakan Islam, serta memerangi dan memusuhi Islam.

²⁹ Yūsuf al-Qardāwī. Prof. Dr., *fi fiqh al-aulawīyat*, terjemahan Fiqh Keutamaan, Ahmad Nuryadi Asmawi, Thinker's Library, Batu Cayes, Selangor, Cetakan ke-1, hlm. 102.

³⁰ Abd. al-Karīm Zaidān, *usūl al-Da'wat*, hlm 41.

Harus menggunakan ungkapan yang melampau pada sesuatu fatwa kerana menjaga hajat dan masalah awam. Umpamanya, Saidina Umar al-Khāṭab r.a. setelah dua tahun³¹ menjawat jawatan khalifah, beliau telah mengeluarkan fatwa bahawa seorang lelaki yang mentalakkan isterinya dengan ṭalaq tiga dalam satu majlis, maka dikira telah jatuh ṭalaq tiga. Tujuan beliau adalah untuk mencegah daripada berleluasa kejadian seumpama ini. Lantas beliau berkata, “Sesungguhnya manusia telah tergesa-gesa dalam perkara yang di dalamnya terdapat perkara yang boleh diperlahankan (ditangguhkan). Seandainya hal ini kami biarkan berjalan atas mereka nescaya hal ini akan berterusan.”³²

6. Penulisan fatwa

Harus fatwa itu dikeluarkan dalam bentuk tulisan. Ianya dimulai dengan kalimah basmalah, tahmid, dan selawat ke atas nabi serta diakhiri dengan mengharapkan taufik dan hidayah daripada Allah s.w.t.³³

Berdasarkan ulasan-ulasan di atas, fatwa mengandungi beberapa unsur utama iaitu:³⁴

³¹ Mannā al-Qatān, Tārīkh al-Tasrī al-Islāmī, maktabah wahbah, al-Qahirah, cetakan ke-3, 1409H/1989M, hlm. 208.

³² Ibid. hlm. 208.

³³ Abd. al-Karīm Zaidān, usūl al-Da'wat, hlm. 41-42.

³⁴ Mahmud Saedon Awang Othman, Etika Mufti: Tugas dan Peranan Di Dalam Menghadapi Alaf Baru, Seminar Serantau Mufti dan Fatwa, anjuran IKIM, 23 & 24 September 1997, hlm. 5.

1. Tujuan fatwa ialah menerangkan hukum syara terhadap sesuatu isu yang hangat diperkatakan oleh seseorang dan orang ramai.
2. Hukum yang dikeluarkan itu ialah hukum syara yang diperolehi secara istinbāt. Sumber utamanya ialah al-Quran dan al-Sunnah, di samping kaedah sumber hukum yang diperakui seperti al-qiās, istihsān, al-masalah al-mursalah dan seterusnya.
3. Jawapan yang berupa nas al-Quran dan al-Sunnah terhadap sesuatu persoalan atau kemusykilan tidak dinamakan fatwa kerana al-Quran datang secara langsung daripada Allah s.w.t. dan al-Sunnah merupakan wahyu yang disampaikan melalui perantaraan rasulnya.

Justeru itu, Imam Syāfi'ie telah meletakkan kedua-duanya sebagai sumber hukum syariah yang pertama¹³ di dalam mazhabnya kerana kedua-duanya sama taraf iaitu wahyu daripada Allah s.w.t. seperti firmanNya:

وما آتاكم الرسول فخذوه وما نهاكم عنه فانتهوا

¹³ Abī Ḥamid Mohd. Bin Mohd. Al-Ghazali, *al-Mustasfa fī ilmu al-usūl*, tashih: Mohd. Abd. as-Salam Abd. al-Safie, Dār Kutub al-Alamiah, Bīrūt, Lubnān, Cetakan 1, 1413H/1983, hlm103-104.

Bermaksud: Apa yang disampaikan oleh rasul kepadamu, hendaklah kamu ambil, dan apa yang dilarang, hendaklah kamu hentikan.³⁶

4. Orang yang mengeluarkan fatwa hendaklah ulama yang bertaraf mujtahid muṭlaq atau sekurang-kurangnya sampai ke tahap mujtahid mazhab.³⁷

HUBUNGAN FATWA DENGAN FIQAH, AL-QADĀ DAN IJTIHĀD

Fiqah ialah ilmu mengenai hukum syara yang bersifat amali yang dihubungkan dengan dalil-dalil yang terperinci.³⁸ Justeru itu, ianya menjadi asas kepada pembentukan dan perkembangan perundangan Islam yang lain³⁹ seperti ijtiḥād, fatwa, penetapan qadā dan sebagainya.

Al-qadā ialah keputusan hukuman yang dikeluarkan oleh hakim untuk mengadili pihak yang bermusuhan di mahkamah⁴⁰ Hukuman tersebut diperolehi oleh hakim setelah meneliti segala fakta dan membuat justifikasi undang-undang terhadap kes yang diadilinya. Kadang-kadang hakim menjadi mustaftī kepada muftī untuk mendapat fatwa sebagai panduannya untuk menegakkan keadilan.

³⁶ Al-Qurān, surāh al-Ḥasyr, ayat 7.

³⁷ Mujtahid muṭlaq ialah orang yang mampu menerokai jalan ijtiḥād sehingga membentuk metologi sendiri di dalam perkara usūl (pokok) dan furu' (cabang). Dia menjadi imam di dalam mazhabnya. Mujtahid mazhab ialah orang yang mengikut imam mereka di dalam perkara usūl dan furu'.

³⁸ Mohd. Abū Zahrah, *usūl al-fiqh*, Dār al-Fikr, t.t, t.t, hlm 6.

³⁹ Ibrahim Anis. Dr, Abd. Al-Ḥalim mutasar, Atiyah al-Sawali, Mohd. Khalifullah Ahmad, *Muḥjam al-Wāsiḍ*, juz 1 dan juz 2, cetakan ke-2, t.t, t.t, hlm 698.

⁴⁰ *Ibid.* 743.